

# Rumpai laut Australia lambatkan penuaan

BH 26/09/23 MIS 28



Rumpai laut coklat di Australia Selatan yang mempunyai ciri antipenuaan.

(Foto AGENSI)

**Canberra:** Rumpai laut yang hanya ditemui di Australia Selatan dipercayai menyimpan rahsia antipenuaan, menurut kajian baharu yang diterbitkan saintis di Universiti Flinders SA semalam.

Kajian itu mendapati, rumpai laut coklat Australia Selatan mempunyai ciri antipenuaan yang kaya dan boleh melindungi daripada kemerosotan kedua-dua kolagen serta elastin pada manusia.

Pengarang bersama kajian dari Kolej Perubatan dan Kesihatan Awam di Flinders University, Wei Zhang, berkata pihaknya mendapati ekstrak daripada rumpai laut coklat Australia Selatan mempunyai potensi besar digunakan untuk membantu melambatkan kesan penuaan pada kulit.

"Kolagen bertindak sebagai

blok binaan untuk tulang, gigi, otot, kulit, sendi dan tisu penghubung, manakala elastin memberikan kulit keanjalan dan kekuatannya.

"Kedua-dua protein ini adalah popular dan dipromosikan oleh industri kecantikan sebagai penting untuk penampilan kulit yang sihat.

"Penyelidik menilai sifat antipenuaan ekstrak daripada tiga spesies rumpai laut coklat dan mendapati bahawa ia merangsang pertumbuhan kolagen serta menghalang proses glikasi, yang menyebabkan degenerasi kolagen dan elastin," katanya.

## 1,500 spesies rumpai laut

Menurut kajian itu, Australia Selatan mempunyai kepelbagaian rumpai laut tertinggi di dunia

dengan sehingga 1,500 spesies yang diketahui, lebih separuh daripadanya adalah endemik di kawasan terbabit.

Institut Rumpai Laut Australia (ASI) meramalkan industri penanaman rumpai laut domestik boleh bernilai 1.5 bilion dolar Australia (AS\$963.9 juta) setiap tahun menjelang 2040 dan mengajikan 9,000 orang.

"Rumput laut adalah sumber hebat pelbagai bahan bioaktif dengan potensi aplikasi dalam kesihatan semula jadi dan produk penjagaan kulit.

"Penemuan kami akan membantu mengisi jurang pengetahuan dan membangunkan kemajuan rumpai laut coklat secara mampan dalam produk penjagaan kulit topikal dan tambahan," kata Zhang semalam. AGENSI